



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Remaja gay ingin kemaafan

Tidak tenteram kerana peristiwa pahit ketika bertindak di luar fikiran waras

SOALAN

SAYA perkenalkan diri sebagai S. Dulu saya seorang penuntut di sebuah institusi pengajian tinggi awam di sekitar Lembah Klang. Saya mempunyai sifat dan gaya sama seperti lelaki lain namun ada satu rahsia terpendam dalam hati dan semakin bergelora dalam diri ketika diterima masuk ke IPTA itu. Seumur hidup, saya tidak pernah sama sekali mencintai orang lain dan entah mengapa perkenalan saya dengan N yang pada awalnya sebagai teman seperjuangan secara tiba-tiba membabitkan perasaan cinta dan sayang kepadanya.

Pada peringkat awal, N tidak tahu yang saya menyukainya. Pelbagai perkara saya lakukan semata-mata untuk bertakhta di hatinya. Saya mencintai lelaki bukan perempuan malah sanggup melakukan apa saja untuk mendapatkannya termasuk menjaga hatinya. Persahabatan yang ingin dipupuk membuahkan bibit cinta saya terhadapnya walaupun dia tidak mengetahuinya. Untuk berkongsi perasaan itu, saya ada menceritakan perihalan ini kepada mereka yang begitu rapat dengan saya. Macam-macam cara saya buat untuk menambat hati N tapi gagal kerana memang mustahil kasih seorang lelaki dengan lelaki

lain bertaut. Sampai satu tahap, saya ingin meluahkan cinta kepadanya namun perkara itu membawa kepada masalah lebih besar. Persahabatan yang dibina akhirnya kecondang. Dia membenci saya sejak daripada peristiwa saya 'memburukkan' namanya. Tapi, pada masa itu saya tidak sedar akan tindakan itu. Pelbagai peristiwa pahit terjadi pada masa sama dan apa yang saya minta hanyalah kemaafan daripadanya. Berkali-kali saya meminta maaf dan mengakui bertindak di luar kewarasan fikiran. Sehingga kini, saya tidak mendapat kegembiraan dan

kesenangan melalui perjalanan hidup, akibat tiada kemaafan daripada N. Prestasi pelajaran merosot dan hampir-hampir dihalang mengambil peperiksaan selain hampir juga tidak dapat menamatkan pengajian kerana masalah ini. Pernah saya dihimpit fobia berulang sejak peristiwa itu selain sentiasa berasa perit untuk menempuh kehidupan. Sudah banyak kali saya menghantar mesej kepada N namun hingga kini tiada kata putus. Saya hanya mahukan kemaafan.

KECEWA Perak

JAWAPAN

Dr amat memahami dan berasa empati. Sesungguhnya bukan mudah berasa tenang apabila kemaafan yang kita pohon tidak diterima individu yang sangat kita harapkan. Apabila kemaafan yang dipohon tidak diperolehi, memang menyeksakan. Itulah sebabnya Dr memahami mengapa adik begitu rasa tertekan sekarang.

Untuk memaafkan seseorang memerlukan jiwa yang besar, melampaui rasa marah dan menghilangkan rasa kasih sayang. Tidak ramai mampu melakukannya dan bagi yang mampu, kehidupan lebih baik dan ketenangan jiwa akan segera datang. Mungkin itulah yang dihadapi N sekarang. Perasaan marah terhadap adik masih menyelubungi dirinya dan pastinya tiada perkataan dapat menyembuhkan perasaannya. Untuk mendapatkan kemaafan daripada N ketika ini, tiada apa yang boleh dilakukan untuk membuatkan dia memaafkan adik. Adalah menjadi pilihan atas kehendak N sendiri untuk memberi kemaafan. Apa yang boleh adik lakukan ialah memohon kemaafan dan cuba menjauhi perkara yang boleh mendatangkan kemarahan N. Dalam konteks ini, berikan ruang masa kepadanya untuk melihat isu memohon kemaafan ini. Apabila tiba masanya, N pasti akan membuang perasaan marah dan melihat semula peristiwa

serta konfliknya dengan adik. Mungkin ketika itu dia akan berikan kemaafan. Bagaimanapun, kemaafan tidak semestinya dilahirkan dalam bentuk perkataan. Berikan juga ruang kepada diri adik untuk tidak merasa marah jika tidak menerima ungkapan maaf dari N. Ada banyak sebab mengapa pada ketika ini dia belum bersedia memaafkan adik dan dia lebih tahu. Lafaz maaf boleh dilahirkan dalam bentuk mendiamkan diri. Apabila perasaan marah N pada adik sudah tiada lagi pada suatu waktu nanti, mungkin N tidak akan menyampaikan kata-kata maaf itu kepada adik. Tapi jauh di sudut hatinya, N akan melihat konfliknya dengan adik sebagai satu pengalaman hidup. Ini bermakna, adik tidak akan mendapat ungkapan lafaz namun dia pasti akan memaafkan adik. Dr doakan satu hari nanti, kemaafan N kepada adik akan datang walaupun dalam bentuk nyata atau tidak.

www.nightingale.edu.my

Kolej Eksklusif di Seremban yang menawarkan program Foundation in Science bagi melanjutkan pengajian ke KURSUK STATE MEDICAL UNIVERSITY, RUSSIA



Pendaftaran kini dibuka di Kolej Antarabangsa Nightingale Seremban

PERUBATAN - PERGIGIAN - FARMASI melalui FOUNDATION IN SCIENCE

KA11444

- ★ **TIADA** bayaran semasa pendaftaran
- ★ **BIASISWA** sehingga 40% (Tempat terhad)
- ★ Latihan makmal dan klinikal secara eksklusif
- ★ Kelas Bahasa Russia dan Inggeris secara percuma
- ★ Kelas ulangkaji SPM secara percuma
- ★ Hubungi sekarang untuk pengambilan **JULAI 2011**

*Tertakluk kepada terma dan syarat

Hubungi 06 761 7080

or SMS ke 016 609 0995

NIC <jarak> Nama <jarak> Keputusan SPM

Kolej Antarabangsa Nightingale

461-465, Jalan Tuanku Munawir
70000 Seremban, Negeri Sembilan
T: 06 761 7080 F: 06 761 7069
E: enquiry@nightingale.edu.my



NIGHTINGALE
INTERNATIONAL
COLLEGE

Remaja tak tahu mengaji ingin ubah cara hidup

SOALAN:

SAYA remaja lelaki beragama Islam dan berusia awal 20-an. Malangnya dalam usia begini, saya langsung tidak tahu membaca huruf jawi apatah lagi membaca al-Quran. Saya juga sudah lupa cara mengambil wuduk dan melaksanakan solat, kerana sudah lama tidak melakukannya. Jahil sungguh diri saya. Pernah saya terfikir untuk belajar agama semula, tetapi perasaan malu sangat menebal dalam diri. Apa harus saya lakukan kerana usia saya semakin meningkat dan tidak mahu terus berada dalam situasi ini. Saya ingin mengubah hidup menjadi lebih baik dan mengikuti lunas agama.

JAWAPAN

KEINGINAN adik untuk belajar adalah sangat baik dan mulia. Banyak kelas yang menganjurkan kelas mengajar jawi dan membaca al-Quran. Hilangkan rasa malu adik untuk belajar kerana menuntut ilmu termasuk ilmu agama adalah satu kewajipan. Kedatangan Islam membawa gesaan menuntut, menyebarkan dan memuliakan ilmu. Wahyu yang pertama iaitu ayat 1-5 surah Al-'Alaq dengan jelas mewajibkan pencarian ilmu. Tanpa ilmu dan pengetahuan kita tidak akan dapat mengenal Allah seterusnya tidak dapat berbakti kepadanya. Orang yang berilmu diberikan pujian dan dipandang mulia di sisi Islam. Hal

ini dapat kita lihat melalui banyak ayat al-Quran, antaranya, Firman Allah s.w.t: "Allah memberikan hikmah (ilmu pengetahuan) kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan bererti ia diberikan kebalkan yang banyak". (Al-Baqarah: 269) Dr memang amat menggalakkan adik belajar semula jawi dan al-Quran. Tidak perlu berasa malu, malah ia sesuatu yang harus dipuji. Buangkan sedikit demi sedikit perasaan malu yang sangat menebal dalam diri adik kerana menuntut ilmu tidak mengira umur.

INGIN BERUBAH, Melaka